

15/10/2003

Buktikan umat Islam bukan golongan kelas dua: Dr M

reports on "Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) 2003"  
PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) membuktikan kepada dunia bahawa masyarakat Islam bukan golongan kelas dua dalam apa juga bidang.

Dengan menjadikan slogan 'Malaysia Boleh' bagi menyuntik semangat rakyat negara ini bersaing, Perdana Menteri menegaskan anggota OIC perlu menunjukkan keupayaan untuk meyakinkan diri sendiri bahawa apa yang orang lain boleh buat, juga boleh dilakukan mereka.

"Di Malaysia kita ada slogan 'Malaysia Boleh' bertujuan mempromosikan kepercayaan bahawa Malaysia boleh buat apa yang orang lain boleh buat. Saya amat yakin bahawa dunia Islam boleh buat apa yang orang lain boleh buat.

"Apabila anda mempunyai keyakinan pada diri dan mencuba, saya yakin kita tidak akan ketinggalan, tidak terus miskin serta mempunyai kemampuan untuk melindungi dan mempertahankan diri.

"Dengan itu, kita akan lebih berupaya menegakkan agama dan memajukan ummah," katanya ketika merasmikan Ekspo OIC 2003 di tapak bersebelahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini, semalam.

Ekspo enam hari itu, yang pertama seumpamanya diadakan sempena Sidang Kemuncak OIC dan terbesar pernah dianjurkan di negara ini di kawasan lapang, disertai lebih 600 syarikat dari 35 negara termasuk Perancis, China, Taiwan dan Korea Selatan.

Sempena upacara perasmian yang turut dihadiri sebahagian besar menteri luar OIC serta pegawai kanan mereka itu, Perdana Menteri melancarkan Dinar & Dirham International, syarikat pengeluar dinar emas yang bercadang memasarkan produknya di dunia Islam.

Dr Mahathir percaya negara Islam boleh mengejar kemajuan dicapai negara maju bukan Islam dalam sektor perindustrian jika umat Islam membuat tafsiran yang betul ke atas ajaran agama.

Katanya, umat Islam sekarang jauh ketinggalan dari segi keupayaan perindustrian kerana pada satu ketika mereka menolak industri sebagai sesuatu yang tidak Islamik.

"Jika kita tidak dihalang oleh interpretasi salah seperti itu, hari ini kita boleh maju seperti orang lain juga. Bagaimanapun, tidak guna bagi orang Islam menyesalinya sekarang, sebaliknya harus berusaha mengejar kemajuan, kerana mereka juga sama bijak seperti orang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, negara Islam sebenarnya mempunyai cerdik pandai yang berjaya dalam sektor perindustrian tetapi mereka kehilangan kumpulan ini kepada negara bukan Islam yang sanggup membayar gaji tinggi dan menyediakan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) canggih.

"Jadi kitalah yang ketinggalan sedangkan mempunyai orang yang boleh menyumbang ke arah peningkatan kemajuan kita," katanya.

Beliau berkata, banyak yang perlu dipelajari dari segi bagaimana Islam berkembang di gugusan kepulauan Melayu oleh pedagang Arab dan India Islam beberapa abad lalu.

Islam datang ke Malaysia bukan melalui penaklukan tentera tetapi menerusi pedagang yang bukan hanya berpengetahuan, malah berupaya meyakinkan mengenai nilai kebaikan Islam.

Katanya, pegangan teguh pedagang itu kepada agama serta kekayaan dan kejayaan mereka, menarik perhatian orang Melayu dan raja-raja Melayu ketika itu, yang akhirnya memeluk Islam.

"Pedagang ini menunjukkan Islam bukan semata-mata mengenai agama malah merangkumi kegiatan perdagangan dan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berharap ekspo itu membolehkan negara Islam memperluaskan perniagaan dan kerjasama ekonomi sesama mereka dan menjadi landasan mengukur apa yang sudah dan boleh dilakukan negara Islam.